

# Pertandingan Nyanyian Lagu Melayu Asli (2000-2010) Sebagai Kegiatan Budaya dalam Kalangan Remaja

**BITARA**Volume 4, Issue 1, 2021: 062-071  
© The Author(s) 2021  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Malay Asli Singing Competition (2000-2010) as a Cultural Activity among Youths]

Shafa'atussara Silahudin<sup>1</sup>

### Abstrak

Nyanyian Melayu asli merupakan nyanyian tradisi masyarakat Melayu. Seseorang penyanyi lagu Melayu asli perlu memiliki kualiti suara yang merdu, lemah gemalai, bersifat mendamaikan dan harmoni. Nyanyian tradisi ini dilihat sebagai nyanyian sentimental yang mencerminkan kehalusan cita rasa penyanyi. Nyanyian Melayu asli disampaikan secara spontan kerana perlaguannya dilakukan secara santai. Penyanyi melantunkan suaranya dengan asyik terlahir daripada hati dan jiwa halus hingga menghasilkan melodi nyanyian yang mengesankan. Nyanyian Melayu asli menjadi kebanggaan masyarakat terutamanya golongan remaja di Malaysia. Justeru, objektif kajian ialah untuk mendeskripsi nyanyian lagu Melayu asli dengan mengimbas pertandingan-pertandingan nyanyian yang telah diadakan antara tahun 2000 hingga 2010 yang disertai oleh remaja berusia antara 15 hingga 25 tahun. Kajian ini turut melihat kepentingan pertandingan nyanyian tradisi ini kepada peserta-peserta pertandingan selain daripada menggambarkan keindahan seni Melayu menerusi nyanyian pantun sebagai liriknya. Terdapat dua kaedah utama yang digunakan. Kaedah pertama ialah pengumpulan data yang melibatkan temu bual dengan informan dan kajian pustaka. Kaedah kedua ialah analisis data. Kajian ini mengenal pasti dua perkara utama iaitu konsep nyanyian Melayu asli dan fenomena penganjuran pertandingan nyanyian Melayu asli sebagai kegiatan budaya serta kepentingannya kepada para peserta.

### Kata kunci:

nyanyian Melayu asli, nyanyian tradisi, pertandingan nyanyian Melayu asli, remaja, Pantun.

### Abstract

Malay asli singing is one of Malay singing tradition. To perform a Malay asli song, one needs to have melodious vocal quality that reflects the Malay culture. The song is delivered spontaneously in a relaxed manner. The singer sings the song with pleasure from the heart that can give to the beauty of the singing melody. Malay asli singing is the pride of the people, especially the youths in Malaysia. Thus, the objective of this study is to describe the Malay asli singing by viewing the singing competitions, which were held between 2000 and 2010 that were participated by teenagers aged between 15 and 25 years old. This study also looks the importance of singing competitions to the participants besides acknowledging the beauty of Malay traditional music through quatrains as the lyrics. Two main methods are used in this study. The first method is data collection involving interviews with informants as well as literature review. The second method is data analysis. The results of this study identify two main points: the concept of Malay asli singing; and the phenomenon of singing competitions and their importance to the youths.

### Keywords:

Malay asli song, traditional singing, Malay asli singing competition, youths, quatrains.

<sup>1</sup> Leiden Institute for Area Studies (LIAS), Leiden University, Matthias de Vrieshof 3, 2311 BZ Leiden, NETHERLANDS

### Corresponding Author:

Shafa'atussara Silahudin, Leiden Institute for Area Studies (LIAS), Leiden University, Matthias de Vrieshof 3, 2311 BZ Leiden, NETHERLANDS

\*E-mail: shafaatussara@gmail.com

**Cite This Article:**

Shafa'atussara Silahudin. 2021. Pertandingan nyanyian lagu Melayu Asli (2000-2010) sebagai kegiatan budaya dalam kalangan remaja. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(1): 062-071.

## Pengenalan

Seni muzik dan nyanyian Melayu asli menjadi salah satu bentuk kegiatan budaya masyarakat Melayu. Perkataan 'asli' digunakan hanya pada sebutan dan menjadikannya satu pemakaian bahasa untuk menyebut sebahagian daripada lagu-lagu Melayu seperti yang lazimnya masyarakat ketahui pada hari ini. Penggunaan perkataan 'asli' di hujung ungkapan lagu Melayu telah dilakukan sejak zaman sebelum adanya wayang bangsawan (Mohd Zain Hamzah, 1961). Segala permainan bunyi-bunyian, nyanyian dan tarian sering dipersembahkan di istana dan di rumah para pembesar. Pada zaman tersebut, seniman mengubah lagunya sendiri. Maka lagu itu dikenali sebagai lagu asli karangan pencipta. Mohd Zain Hamzah juga mengatakan, sekiranya seniman lain ingin menyanyikan lagu itu, makan dia perlu meminta kebenaran daripada pencipta lagu tersebut. Sekiranya berjaya, dia perlu berjumpa dengan ketua pemain muzik untuk meminta persetujuannya memainkan karangan lagu tersebut.

Menurut Mohamed Ghouse Nasuruddin (2003), muzik Melayu asli merupakan muzik tradisional yang mempunyai gaya nyanyian dan paluan gendang yang tertentu. Beliau menekankan nyanyian Melayu asli menggunakan patah lagu seperti mana nyanyian ghazal. Sebagai sebuah kesenian tradisi, nyanyian Melayu asli memiliki kualiti penyampaian yang merdu, lemah gemalai, bersifat mendamaikan dan harmoni. Persembahan nyanyian Melayu asli dilihat sebagai bentuk nyanyian sentimental yang mencerminkan kehalusan cita rasa penyanyi kepada pendengar. Keperibadian nyanyian terletak pada bentuk irama, patah lagu dan penjelmaan melodi dengan kata-kata dan susunan penyampaiannya. Nyanyian Melayu asli disampaikan secara spontan kerana perlaguannya dilakukan secara santai ketika berdongang. Penyanyi melantunkan nyanyiannya dengan asyik yang lahir daripada hati dan jiwa halus hingga terlahir keindahan melodi nyanyian yang mengesankan.

Perkembangan lagu dan nyanyian Melayu asli dikaitkan dengan kemunculan persembahan bangsawan yang sangat popular di akhir abad ke-19 hingga suku pertama abad ke-20. Menurut Abdul Fatah Karim (1980), kewujudan lagu dan nyanyian Melayu asli kerap terdapat dalam persembahan bangsawan. Abdul Fatah Karim juga melihat lagu Melayu asli bermaksud lagu-lagu yang terdapat sejak zaman sebelum tahun 1940-an, iaitu lagu-lagu yang mempunyai rentak dan tempo yang khusus seperti lagu "*Seri Mersing*", "*Patah Hati*", "*Makan Sireh*" dan "*Siti Payung*".

Selain itu, nyanyian Melayu asli turut dikaitkan dengan bentuk dan nyanyian berdongang sayang yang sangat popular di negeri Melaka sejak dahulu lagi. Kesenian berdongang sayang disambut baik oleh kumpulan Baba Nyonya di Melaka dan di negeri-negeri selat. Umum mengetahui bahawa kumpulan Baba Nyonya ini yang banyak membantu mempopularkan kesenian berdongang sayang. Istilah dondang sayang menyimpulkan maksud terungkap dalam paduan perkataan 'dondang' dan 'sayang' sebagai menyimpulkan maksud

nyanyian berkasih sayang. Nyanyian berdongang sayang dipersembahkan secara berbalas pantun antara dua penyanyi.

Bagi mengkategorikan lagu-lagu Melayu asli, Ariff Ahmad (2005) telah menggariskan beberapa aspek yang dilihat menerusi lagu-lagu ciptaan P. Ramlee. Pertama, motif melodi yang lemah lembut dan bersopan santun; kedua, tempo sederhana dan kesan rentak yang jelas; ketiga, lebih banyak menggunakan tangga nada minor; keempat, tema yang mudah difahami; kelima, menggunakan pantun sebagai asas lirik; keenam, penyampaian lagu secara duet/bergilir; ketujuh, melodi yang mudah; dan kelapan, lirik yang mengandungi nasihat. Jelas di sini bahawa lirik lagu yang paling asas dalam masyarakat Melayu ialah pantun.

Seni nyanyian Melayu asli menjadi kebanggaan sebilangan masyarakat terutamanya golongan remaja di Malaysia. Keunikan dan kelebihan nyanyian Melayu asli sebagai sebahagian kekayaan khazanah seni budaya bangsa adalah satu kenyataan yang tidak dipertikaikan. Orang Melayu menikmati seni lagu dan nyanyian Melayu asli antara lain bertujuan mengisi elemen kebudayaan Melayu (Shafa'atussara Silahudin, 2011). Nyanyian tradisi ini dilihat sebagai identiti budaya dan mencerminkan keperibadian serta nilai budi Melayu.

## **Objektif**

Objektif kajian ini ialah mendeskripsi nyanyian lagu Melayu asli menerusi pertandingan-pertandingan nyanyian yang diadakan antara 2000 hingga 2010 yang disertai oleh kumpulan remaja berusia antara 15 hingga 25 tahun. Kajian ini turut melihat kepentingan pertandingan nyanyian tradisi ini kepada peserta-peserta pertandingan selain daripada menggambarkan keindahan seni Melayu menerusi nyanyian pantun sebagai liriknya.

## **Metodologi**

Kajian ini menggunakan dua kaedah penyelidikan. Pertama, kaedah pengumpulan data; dan kedua, kaedah analisis data. Data dikumpul menerusi kajian pustaka dan temu bual. Tulisan-tulisan lepas terkait dengan nyanyian tradisi amnya dan nyanyian Melayu asli khususnya telah dirujuk. Selain daripada itu, beberapa orang informan telah ditemubual secara tidak langsung. Mereka merupakan peserta-peserta yang pernah menyertai pertandingan nyanyian Melayu asli di pelbagai peringkat (daerah, negeri dan kebangsaan). Di samping itu, temu bual disasarkan kepada penggiat atau penyanyi yang bergiat aktif serta berpengalaman luas dalam seni nyanyian Melayu asli. Hasil dapatan yang diperolehi dianalisis secara kualitatif berasaskan penilaian estetik terhadap karya yang menurut Mohamed Anwar Omar Din (2008) dapat memberi kesan indah dan kesenangan kepada kehidupan (Mohamed Anwar Omar Din, 2008). Dalam konteks kajian ini, karya ialah lagu dan nyanyian Melayu asli.

## Hasil Penelitian dan Perbincangan


Hasil daripada kajian ini, dua perkara utama dibincangkan secara lanjut. Pertama, konsep nyanyian Melayu asli. Kedua, fenomena nyanyian Melayu asli menerusi pertandingan-pertandingan nyanyian Melayu asli dalam tahun 2000 hingga 2010 yang disertai oleh golongan remaja.

### Konsep Lagu dan Nyanyian Melayu Asli

Nyanyian Melayu asli memiliki gaya nyanyian tertentu. Silahudin Said (2009) berpendapat bahawa menyanyikan lagu-lagu Melayu asli bukan satu perkara yang mudah. Kesukaran menyanyikan lagu-lagu Melayu asli amat berkait rapat dengan pengaplikasian teknik-teknik tertentu dalam nyanyian. Kebolehan seseorang menyanyikan lagu Melayu asli dipengaruhi oleh bahagian dalaman tertentu demi menghasilkan suara nyanyian yang berpadanan dengan kelembutan irama Melayu asli.

Nyanyian asli memperlihatkan pantun Melayu lama sebagai seni kata nyanyian. Nizami Jamil (1986) menjelaskan bahawa nyanyian Melayu asli menggunakan bahasa Melayu tinggi sebagai seni kata nyanyiannya. Tenas Effendy (2005) memerihalkan bahawa orang-orang tua Melayu memasukkan pantun-pantun Melayu yang berisi tunjuk ajar dan dakwah dalam pelbagai bentuk penyajian hingga disebut sebagai pantun nyanyian atau pantun lagu. Ali Yaakub (2007) mencoretkan perihal lagu-lagu Melayu asli iaitu “*Sayang Sarawak*”, “*Sayang Musalmah*”, “*Sayang Mas Merah*” dan “*Sayang Laksamana Mati Dibunuh*” menggunakan pantun-pantun klasik lama sebagai seni kata nyanyian. Menerusi ketiga-tiga pendapat ini, jelas bahawa pantun Melayu lama merupakan elemen utama sebagai seni kata nyanyian Melayu asli.

Nyanyian Melayu asli sebagai nyanyian bersifat lemah gemalai dan kedudukan pantun sebagai seni kata nyanyiannya adalah wajar. Seni kata pantun dipengaruhi oleh susunan melodi lagu Melayu asli. Bentuk nyanyian repetisi pada bahagian-bahagian tertentu dilakukan bagi mencapai kesesuaian melodi. Sebagai contoh, disertakan serangkap pantun yang digunakan sebagai seni kata nyanyian “*Gunung Bentan*” seperti berikut:



Rajah 1: Serangkap pantun sebagai lirik nyanyian Melayu asli “*Gunung Bentan*” mempamerkan jujuk-jujuk fizikalnya

Pantun tersebut merupakan sebuah pantun Melayu lama empat baris. Dua baris pertama dikenali komponen pembayang maksud manakala dua baris kedua sebagai komponen maksud. Setiap baris memiliki empat atau lima bilangan perkataan. Seterusnya, disertakan gubahan seni kata pantun dalam nyanyian Melayu asli yang sering dipersembahkan:

Gunung Bentan Gunung Bentan nama diberi,  
Pengubah lagu zaman dahulu,  
Gunung Bentan Gunung Bentan nama diberi,  
Pengubah lagu zaman dahulu,  
Hidup kekal lagu yang asli,  
Aduhai sayang,  
Terbang tinggi kasih yang layu,  
Ahai Gunung Bentan,  
Terbang tinggi kasih yang layu,  
Hidup kekal lagu yang asli,  
Aduhai sayang,  
Terbang tinggi kasih yang layu,  
Ahai Gunung Bentan,  
Terbang tinggi kasih yang layu.

Menerusi teks nyanyian pantun di atas, telah berlaku perulangan pada perkataan tertentu. Situasi pengulangan beberapa perkataan dalam nyanyian Melayu asli merupakan ciri khas nyanyian Melayu asli untuk disesuaikan dengan melodi lagu Melayu asli. Dalam pada itu, penambahan kata-kata sahutan seperti 'yang', 'aduhai' dan 'sayang' turut berlaku. Penambahan kata ini berperanan sebagai perantara atau kata sahutan untuk menambah tarikan dalam nyanyian. Ini kerana, perkataan ini memiliki unsur kelembutan dan tarikan istimewa kepada pendengar.

## **Pertandingan Nyanyian Melayu Asli kategori Remaja**

Fenomena nyanyian Melayu asli dapat dilihat menerusi beberapa medium seni persembahan. Memasuki alaf ke-21, kegiatan nyanyian Melayu asli terutamanya dalam kalangan remaja dipergiat menerusi acara-acara budaya. Salah satu usaha yang menonjol dan popular ialah menerusi pertandingan-pertandingan nyanyian Melayu asli di pelbagai peringkat. Dalam tahun 2000 hingga 2010, pertandingan nyanyian Melayu asli begitu diminati dalam kalangan remaja. Pertandingan ini juga dilihat sebagai langkah awal mencipta nama oleh beberapa orang penyanyi popular Malaysia sebelum mereka melibatkan diri dalam industri muzik secara serius.

Pertandingan nyanyian diadakan sebagai usaha menonjolkan keindahan nyanyian pantun sebagai cabang kesenian Melayu. Objektif pertandingan nyanyian Melayu asli diadakan sebagai usaha mencegah penularan muzik pengaruh barat yang menggugat landasan kebudayaan kebangsaan. Bermula pada tahun 1996, penganjuran pertandingan nyanyian Melayu asli oleh pihak kementerian diteruskan sehingga tahun 2002 dengan lokasi terakhir di Kuantan, Pahang. Para peserta mewakili negeri masing-masing; setiap negeri diwakili seorang peserta lelaki dan seorang peserta wanita. Setelah direhatkan pada tahun 2003 hingga 2005,

pertandingan nyanyian Melayu asli diadakan lagi pada tahun 2006 dengan menonjolkan konsep berbeza dari tahun-tahun sebelumnya.

Pertandingan pada tahun 2001 telah diadakan di Johor Bahru, Johor. Sebanyak 14 negeri dengan 28 peserta berusia antara 15 hingga 25 tahun telah menyertai pertandingan ini. Pertandingan ini diadakan menerusi 4 sesi selama 2 hari anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor dan Yayasan Negeri Johor. Pertandingan ini menawarkan hadiah-hadiah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Hadiah pemenang peringkat kebangsaan tahun 2001

Kedudukan	Kategori lelaki		Kategori wanita	
	Hadiah utama	Hadiah iringan	Hadiah utama	Hadiah iringan
Pertama	RM3000.00	Piala dan sijil	RM3000.00	Piala dan sijil
Kedua	RM2000.00	Piala dan sijil	RM2000.00	Piala dan sijil
Ketiga	RM1000.00	Piala dan sijil	RM1000.00	Piala dan sijil

Tawaran hadiah tersebut dilihat lumayan bagi para remaja. Peserta dari Kuala Lumpur, Muhaizam Ahmad yang membawakan lagu “*Embun Menitek*” dan “*Joget Jambu Merah*” mendapat tempat pertama kategori lelaki. Tempat kedua dan ketiga dimenangi masing-masing oleh Alif Azfar Ishak dari Perak dengan lagu “*Embun Menitek*” dan “*Zapin Budi*”, dan Adam Abu Kawi dari Sabah dengan lagu “*Pasir Panjang*” dan “*Zapin Budi*”. Untuk kategori wanita, Elifah Idris dari Kuala Lumpur dan Nas Adila dari Johor masing-masing mendapat tempat pertama dan kedua. Mereka menyampaikan lagu “*Gunung Bentan*” dan “*Sireh Pinang*” dengan gaya tersendiri. Tempat ketiga disandang oleh Arnizah Amir dari Negeri Sembilan dengan lagu “*Sembawa Balik*” dan “*Timang Burung*”.

Kerajaan Negeri Johor sememangnya aktif mengadakan kegiatan seni budaya dengan memberi fokus kepada pembangunan sahsiah dan jati diri dalam kalangan remaja. Jabatan Pendidikan Daerah Muar dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Johor telah menganjurkan Pertandingan Bintang Asli Remaja peringkat daerah dan negeri. Pertandingan ini mendapat penyertaan yang amat menggalakkan dalam kalangan remaja berusia 13 hingga 19 tahun. Peringkat saringan telah diadakan di sebelah siang untuk memilih 10 peserta terbaik untuk dibawa ke peringkat akhir di sebelah malamnya. Pertandingan ini diadakan di Dewan Jubli Intan, Muar.

Sistem penjurian bagi pertandingan nyanyian Melayu asli adalah seragam. Ini bermaksud, juri-juri yang sama akan hadir ke setiap daerah di Johor mengikut jadual yang telah ditetapkan untuk mengadili peserta-peserta yang bertanding selanjutnya menentukan peserta yang layak untuk ke peringkat negeri. Hadiah-hadiah yang ditawarkan kepada para pemenang di peringkat daerah adalah seperti berikut:

Jadual 2: Hadiah pemenang peringkat daerah tahun 2002

Kedudukan	Kategori lelaki		Kategori wanita	
	Hadiah tunai	Hadiah iringan	Hadiah tunai	Hadiah iringan
Pertama	RM200.00	Piala dan sijil	RM200.00	Piala dan sijil
Kedua	RM150.00	Piala dan sijil	RM150.00	Piala dan sijil
Ketiga	RM100.00	Piala dan sijil	RM100.00	Piala dan sijil
Saguhati	RM50.00	Sijil	RM50.00	Sijil

Setelah kesemua pertandingan Melayu asli setiap daerah dijalankan, pada Julai 2002, kesemua peserta terpilih yang mewakili daerah masing-masing dijemput untuk menyertai pertandingan nyanyian peringkat negeri. Pertandingan ini tela diadakan di Auditorium Radio Televisyen Malaysia (RTM) di Johor Bahru. Pemilihan peserta ke peringkat negeri dibuat melalui tiga kriteria. Pertama, jumlah markah keseluruhan yang diperolehi. Kedua, mutu suara nyanyian. Ketiga, bentuk persembahan yang menarik. Hadiah-hadiah yang ditawarkan di peringkat negeri agak lumayan dan butiran mengenai perkara ini seperti berikut:

Jadual 3: Hadiah pemenang peringkat negeri tahun 2002

Kedudukan	Kategori lelaki		Kategori wanita	
	Hadiah utama	Hadiah iringan	Hadiah utama	Hadiah iringan
Pertama	RM500.00	Piala dan sijil	RM500.00	Piala dan sijil
Kedua	RM300.00	Piala dan sijil	RM300.00	Piala dan sijil
Ketiga	RM200.00	Piala dan sijil	RM200.00	Piala dan sijil

Pada tahun 2006, pertandingan nyanyian Melayu asli diteruskan berikutan masih ada permintaan dalam kalangan remaja yang ingin menyertainya. Pertandingan nyanyian Melayu asli peringkat kebangsaan diadakan secara dua peringkat: separuh akhir dan akhir. Seramai 28 peserta yang mewakili 14 negeri menyertai peringkat separuh akhir. Setelah penilaian dibuat, pihak juri memilih 6 peserta lelaki dan 6 peserta wanita untuk ke peringkat akhir. Menariknya, pertandingan akhir ini telah diadakan di Auditorium RTM, Kuala Lumpur.

Peserta lelaki dari Terengganu, Mohd Edie Nazrin Hamzah dengan lagu “*Mas Merah*” dan “*Gambus Jodoh*”, dan peserta wanita dari Kuala Lumpur, Norhasmidar Ahmad dengan lagu “*Sembawa Balik*” dan “*Joget Rentak 106*” masing-masing mendapat tempat pertama pertandingan tersebut. Tempat kedua kategori lelaki disandang oleh Roszaini Razalli dari Negeri Sembilan dengan lagu “*Seri Banang*” dan “*Ya Ladan*” manakala kategori wanita, Siti Halijah Dolah dengan nyanyiannya “*Laksamana Mati Dibunuh*” dan “*Kain Songket*”. Bagi tempat ketiga, Muhaimin Azzahan dari Kedah dengan lagu “*Makan Sireh*” dan “*Joget Hitam Manis*” manakala Siti Salwa Alauddin dari Pahang membawakan lagu “*Nasib Panjang*” dan “*Kamaruzaman*”. Berbanding pertandingan peringkat kebangsaan tahun 2001, penganjuran semula pertandingan ini memperlihatkan tawaran hadiah yang lebih tinggi. Berikut disertakan butiran hadiah pemenang:

Jadual 4: Hadiah pemenang peringkat kebangsaan tahun 2006

Kedudukan	Kategori lelaki		Kategori wanita	
	Hadiah tunai	Hadiah iringan	Hadiah tunai	Hadiah iringan
Pertama	RM10,000.00	Piala, sijil dan kursus vokal	RM10,000.00	Piala, sijil dan kursus vokal
Kedua	RM8000.00	Piala, sijil dan kursus vokal	RM8000.00	Piala, sijil dan kursus vokal
Ketiga	RM6000.00	Piala, sijil dan kursus vokal	RM6000.00	Piala, sijil dan kursus vokal
Saguhati	RM1000.00	Sijil	RM1000.00	Sijil

Hadiah yang sama turut ditawarkan kepada peserta dalam pertandingan pada tahun 2007. Konsep pertandingan juga tidak berubah seperti pertandingan pada tahun 2006. Menurut Nordin (2007), bilangan peserta yang datang untuk diuji bakat dari serata negeri ialah 1015 orang. Angka ini adalah yang tertinggi berbanding bilangan peserta yang datang diuji bakat. Perkembangan positif ini menunjukkan bahawa pertandingan nyanyian Melayu asli diterima dan diminati oleh golongan muda. Beberapa juri profesional yang sering dijemput mengadili pertandingan. Antaranya, Raftah Bachik; beliau merupakan penyanyi lagu Melayu asli sejak tahun 1960-an. Beliau sering diundang menyanyikan lagu Melayu asli dan ghazal di seluruh pelosok negeri. Rahim Jantan merupakan pensyarah muzik Melayu asli di Akademi Seni dan Budaya (ASWARA) dan aktif membuat persembahan muzik tradisional. Asnawi Mutaal juga menjadi salah seorang juri pertandingan Melayu asli peringkat kebangsaan. Beliau telah lama berkhidmat sebagai konduktor muzik di RTM serta mengubah lagu di peringkat nasional.

Pengkaji berkesempatan mengenali secara dekat dengan 12 peserta pertandingan nyanyian Melayu asli pada tahun 2007. Berikut disertakan sedikit pengenalan peserta lelaki:

Jadual 5: Butiran ringkas peserta lelaki tahun 2007

Nama	Umur	Pendidikan	Asal
1. Mohd Ariff Ismail	23	Politeknik	Kelantan
2. Fitri Hiswady Hasan Nordin	17	Pelajar menengah	Perak
3. Mohd Rozaidy Shukri	20	Sijil Pelajaran Malaysia	Kuala Lumpur
4. Adidi Tamin	23	Ijazah Sarjana Muda	Selangor
5. Mohd Najib Hamzah	24	Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional	Terengganu
6. Mursalin Azzahan	18	Sijil Pelajaran Malaysia	Kedah

Peserta dari Terengganu telah memenangi pertandingan ini dengan membawakan lagu “*Seri Banang*” dan “*Zapin Yatim Sarawak*”. Tempat kedua oleh peserta dari Kuala Lumpur dengan lagu “*Gunung Panti*” dan “*Mak Inang Pulau Kampai*”, manakala ketiga, dengan lagu



“*Seri Sarawak*” dan “*Gambus Kelantan*” disandang oleh peserta dari Kedah. Berikut ialah butiran mengenai peserta wanita yang terpilih untuk ke peringkat akhir:

Jadual 6: Butiran ringkas peserta wanita tahun 2007

Nama	Umur	Pendidikan	Asal
1. Nor Fazrina Mohd Gani	15	Pelajar menengah	Selangor
2. Siti Noor Shahrana Zainuddin	21	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia	Sabah
3. Iffah Izzati Baharudin	15	Pelajar menengah	Melaka
4. Siti Raihan Abdul Rahman	24	Sijil Pelajaran Malaysia	Johor
5. Azilizah Abu Samah	22	Diploma ASWARA	Pahang
6. Sabihah Abdul Wahid	22	Diploma ASWARA	Kuala Lumpur

Tempat pertama dimenangi oleh peserta yang sedang mengikuti pengajian di ASWARA dan berasal dari Kuala Lumpur dengan nyanyian lagu “*Damak*” dan “*Joget Serampang Laut*”. Tempat kedua disandang oleh peserta Melaka dengan lagu “*Pancaran Senja*” dan “*Joget Berseri Nanti*”. Dengan mempertaruhkan lagu “*Seri Kedah*” dan “*Timang Burung*”, peserta dari Selangor mendapat tempat ketiga.

Sepanjang kajian ini dijalankan mendapati peserta tahun 2007 mempunyai pertalian keluarga dengan peserta tahun 2006. Kedua-dua peserta dari Terengganu merupakan adik beradik. Begitu juga kedua-dua peserta dari Kedah. Peserta wanita dari Kuala Lumpur pada tahun 2006 pula merupakan adik kepada peserta lelaki pada tahun 2001. Pertalian keluarga dalam kalangan peserta-peserta mendapat perhatian daripada para peminat lagu Melayu asli sehingga menggelarkan mereka keluarga seni tulen. Kedudukan mereka mendapat tempat istimewa dalam kalangan masyarakat.

Menerusi pertandingan-pertandingan tersebut, para peserta dapat berkenalan antara satu sama lain. Mereka terus berhubung meskipun setelah tamat pertandingan nyanyian. Ini secara tidak langsung telah membentuk komuniti yang terdiri daripada peserta-peserta pertandingan dan peminat-peminat lagu Melayu asli. Peserta-peserta yang pernah memenangi pertandingan nyanyian Melayu asli dijadikan sumber rujukan oleh peserta-peserta lain atau individu yang baru berjinak-jinak dalam seni nyanyian Melayu asli. Mereka saling berkongsi ilmu mengenai teknik nyanyian, bertukar-tukar bahan rujukan dalam bentuk rakaman video dan melawat penyanyi lagu Melayu asli veteran yang masih hidup. Peserta yang bersekolah menengah merujuk peserta senior yang sedang mengikuti pengajian muzik di ASWARA bagi mendapatkan informasi melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi. Ringkasnya, pertandingan-pertandingan nyanyian Melayu asli dilihat sebagai kegiatan budaya yang dapat menarik minat sekali gus menyuntik semangat berdaya saing dalam kalangan remaja.

## Kesimpulan

Pertandingan-pertandingan nyanyian Melayu asli yang dianjurkan dapat melahirkan ramai bakat baru dalam kalangan remaja dalam bidang seni suara khususnya muzik Melayu tradisi. Pembentukan komuniti lagu Melayu asli dilihat sebagai satu perkara positif dalam membangunkan semangat cintakan seni nyanyian tradisi dan pembangunan sahsiah remaja. Ini jelas seperti yang dikatakan oleh Gunderson (2003) menerusi pemerhatiannya terhadap tradisi muzik bahawa pertandingan berperanan memberi makna dan mentakrif persembahan, dan kepentingannya dalam membentuk dan memperkukuh identiti komuniti.

## Penghargaan

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua informan yang terlibat dalam penyelidikan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Prof. Emeritus Datin Dr. Rahmah Bujang yang memberi komentar mengenai kajian ini. Kajian ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan di peringkat Sarjana di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

## Rujukan

- Abdul Fatah Karim. 1980. 'Lagu Melayu asli.' Kertas kerja dibentangkan di *Pameran alat-alat muzik tradisional Malaysia* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya).
- Ali Yaakub. 2007. *Menikmati pantun Melayu*. Kuala Lumpur: iSina Global Media.
- Ariff Ahmad. 2005. 'Pemikiran tradisi Melayu dalam lagu ciptaan P. Ramlee.' Dalam: Awang Azman Awang Pawi & Khor Chooi Lian (eds.), *P. Ramlee di cakera Nusantara*, mukasurat 261-270. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Gunderson, Frank. 2003. 'Preface', *World of Music* 45,1: 7-10.
- Mohamed Anwar Omar Din. 2008. *Asas kebudayaan dan kesenian Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Ghouse Nasuruddin. 2003. *Muzik tradisional Malaysia*. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zain Hamzah. 1961. *Pengolahan muzik dan tari Melayu*. Singapura: Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan.
- Mursalin Azzahan. (12 Julai 2007). Pengalaman menyertai pertandingan nyanyian Melayu asli [Temubual].
- Nizami Jamil. 1986. Kumpulan lagu daerah Riau. Pekanbaru: C. V. Perry.
- Sabihah Abdul Wahid. (16 Julai 2007). Apresiasi lagu Melayu asli [Temubual].
- Shafa'atussara Silahudin. 2011. 'Nyanyian Melayu asli: kajian seni kata pantun dan teknik nyanyian'. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Silahudin Said. (30 September 2009). Pengenalan nyanyian Melayu asli [Temubual].
- Tenas Effendy. 2005. *Pantun Nasehat*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu & Penerbit Adicita Karya Nusa.